



Jabatan Agama Islam Negeri Perak

KONSEP ISTIKHARAH

NIAT SOLAT

أُصَلِّي سُنَّةَ الْإِسْتِخَارَةِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat sunat istikharah
dua rakaat kerana Allah Taala.

LANGKAH ISTIKHARAH

1.

NIAT

2.

SOLAT ISTIKHARAH

3.

DOA

4.

TAWAKAL

5.

MENUNGGU PETUNJUK

Istikharah adalah konsep memohon petunjuk Allah SWT dalam membuat keputusan penting, termasuk memilih pasangan hidup. Konsep ini melibatkan solat sunat istikharah dan doa khusus untuk memohon kebaikan, dengan harapan agar Allah memberikan tanda atau petunjuk melalui mimpi, perasaan tenang, atau jalan yang terbaik.

Istikharah bukanlah satu kali sahaja. Jika keraguan masih mempengaruhi fikiran untuk menentukan pilihan, ulangilah solat istikharah berkali-kali dengan hati yang ikhlas. Bertawakal kepada Allah, pilihlah salah satu daripada pilihan, ambil yang mana arah hati lebih cenderung setelah berdoa. Yakinlah bahawa itu adalah pilihan terbaik dari yang Maha Kuasa. Kuncinya jangan merasa kecewa anda ternyata dalam keputusan yang dipilih menimbulkan keinginan yang tidak disukai. Ingatlah bahawa ianya mengandungi hikmah dan akan membawa kebaikan dimasa akan datang. Tetap tenang dan redha dengan apa pun yang berlaku.



Jabatan Agama Islam Negeri Perak

KONSEP ISTIKHARAH

DOA ISTIKHARAH

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ، وَأَسْتَقْدِرُكَ
بِقُدْرَتِكَ وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ،
فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا أَقْدِرُ وَتَعْلَمُ وَلَا أَعْلَمُ،
وَأَنْتَ عَالِمُ الْغُيُوبِ، اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ
تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ خَيْرٌ لِي فِي دِينِي
وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي فَاقْدِرْهُ لِي وَيَسِّرْهُ
لِي، ثُمَّ بَارِكْ لِي فِيهِ، وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ
هَذَا شَرٌّ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ
أَمْرِي فَاصْرِفْهُ عَنِّي فَاصْرِفْنِي عَنْهُ وَاقْدِرْ لِي
الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ ارْضِنِي بِهِ.

Maksud Doa Istikharah

Ya Allah, aku memohon agar memilih mana yang baik menurut Engkau ya Allah.

Aku juga memohon diberikan kepastian dengan ketentuanMu dan aku memohon dengan kemurahanMu Tuhan yang Maha Agung.

Sesungguhnya Engkau Tuhan yang Berkuasa, sedangkan aku tidak tahu. Engkau Tuhan yang amat mengetahui segala sesuatu yang masih tersembunyi.

Ya Allah! Jika menurut pendapatMu urusan ini (sebutkan perkara tersebut) memberi kebaikan bagiku untuk agamaku, kehidupanku, dan pekerjaanku, maka takdirkanlah ia bagiku dan berkatilah ia padaku.

Jika menurut pengetahuanMu bahawa urusan ini (sebutkan perkara tersebut) memberi keburukan bagiku untuk agamaku, kehidupanku dan pekerjaanku, maka ku mohon agar Engkau jauhkan ia daripadaku dan kurniakanlah bagiku hanya kebaikan di mana sahaja aku berada.

Jadilah aku orang yang redha atas anugerahMu.

(Rekod Imam al-Bukhari)